

Minta nasihat doktor anda jika anda mengalami sebarang kesan-kesan sampingan yang luar biasa apabila megambil ubat anda.

Apa LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Sebelum ambil ubat,

- Beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda alergi kepada apa-apa ubat.
- Beritahu doktor dan ahli farmasi anda ubat-ubatan yang anda sedang ambil, terutamanya ubat untuk kemurungan, penyakit jantung, selesema, pengenduran otot, ubat penenang dan ubat tidur.
- Beritahu doktor anda jika anda mempunyai apa-apa penyakit terutamanya kencing manis, sawan, tekanan darah tinggi, glaukoma, jantung atau penyakit saluran darah.
- Beritahu doktor anda jika anda sedang hamil, merancang untuk hamil atau sedang menyusu badan kepada anak anda.


Kekeringan mulut dan kerongkong mungkin berlaku selepas menggunakan ubat ini. Kumur mulut dengan air selepas setiap dos supaya ia dapat mencegah kekeringan.

Bagaimana saya harus MENYIMPAN ubat ini?

Simpan tablet oral di dalam bekas yang kedap udara. Simpan jauh dari haba dan elakkan dari cahaya matahari. Jangan cucuk, pecah atau membakar bekas inhalasi aerosol walaupun ia sudah kosong.



Risalah Maklumat Untuk Pesakit



Ubat untuk Melegakan Asma Medicine To Relieve Asthma

MENGENAI ubat anda

Ubat ini diberikan oleh doktor anda untuk melegakan asma. Pada amnya, ubat ini dikenali pengembang bronkus kerana ia membuka laluan udara paru-paru.

Ubat	Fungsi	Cara pemberian
Tindakan berjangka pendek Contohnya, Salbutamol (Ventolin) Terbutaline (Bricanyl) Fenoterol (Berotec)	Membuka laluan udara paru-paru. Melegakan pernafasan yang termengah-mengah, keadaan sesak nafas dan masalah pernafasan dengan meningkatkan pengaliran udara memasuki paru-paru. Pengembang bronkus jangka pendek digunakan sebagai pelega asma.	Ubat dalam bentuk inhalasi dan/ atau tablet dan sirap.
Tindakan berjangka panjang Contohnya, Bambuterol (Bambec) Formoterol (Oxis)		

BAGAIMANA saya harus mengambil ubat?

Anda patut ambil ubat seperti mana yang telah diarahkan oleh doktor. Minta nasihat dari doctor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti cara betul untuk mengambil ubat anda.

Gunakan ubat ini seperti yang diarahkan. Jangan gunakan berlebihan dan lebih kerap daripada yang dicadangkan pada label, kecuali diarahkan oleh doktor. Sila minta nasihat doktor anda jika anda perlu menggunakan ubat ini selalu atau lebih kerap daripada biasa. Ini mungkin menandakan asma anda tidak dikawal dengan baik.

Buangkan semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau tidak diperlukan lagi

Sesetengah persediaan ubat ini datang bersama dengan arahan penggunaan. Baca arahan dengan teliti sebelum menggunakan ubat. Cara inhalasi yang betul adalah amat penting kerana ini akan memastikan ubat dapat sampai ke paru-paru untuk kesan maksima.

Jika anda masih mengalami susah bernafas walaupun sudah menggunakan ubat ini setiap 2 jam, atau jika keadaan anda semakin teruk, sila hubungi doktor anda dengan serta-merta.

Jika anda mempunyai masalah untuk menyalurkan ubat memasuki paru-paru anda, satu alat khas yang bersambung dengan inhaler mungkin dapat membantu. Sila periksa dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Apa yang patut saya lakukan jika SAYA TERLUPA makan satu dos?

Jika anda lupa mengambil satu dos, ambil dos ini dengan serta-merta sebaik sahaja anda ingat. Bagaimanapun, jika sudah sampai masa untuk dos yang berikutnya, terus biarkan sahaja dos yang lupa diambil dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual waktu mengambil ubat. Jangan gandakan dos untuk mengganti dos yang terlupa dimakan itu.

Apakah KEMUNGKINAN KESAN SAMPINGAN pengambilan ubat ini?

Walaupun kesan sampingan adalah jarang, ini masih boleh berlaku. Kesan sampingan ini mungkin akan hilang semasa rawatan apabila badan anda sudah menyesuaikan diri terhadap ubat.

Bagaimanapun, periksa dengan doktor anda jika salah satu daripada kesan sampingan tersebut berlarutan atau mengganggu.

- Kegelisahan atau keresahan
- Menggeletar
- Denyutan jantung yang cepat
- Pinar
- Kekeringan atau iritasi pada kerongkong
- Mual atau muntah
- Sakit kepala

Simpan semua ubat di tempat yang jauh caripada kanak-kanak